



**Pekeliling Pesuruhjaya Tanah, Negeri-negeri Tanah Melayu
Bilangan 1/1970**

**Pemberian Maklumat-maklumat Oleh Pegawai-pegawai Tanah
Dengan Tiada Kebenaran (Disemak 2007)**



**JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR
PUTRAJAYA**

**Pekeliling Pesuruhjaya Tanah, Negeri-negeri Tanah Melayu
Bilangan 1/1970**

**Pemberian Maklumat-maklumat Oleh Pegawai-pegawai Tanah
Dengan Tiada Kebenaran (Disemak 2007)**

Pekeliling ini bertujuan untuk menasihat Pendaftar-pendaftar Hakmilik dan Pentadbir-pentadbir Tanah kepada peruntukan di bawah seksyen 19 Kanun Tanah Negara 1965 yang berkehendakkan supaya setiap pegawai atau orang yang bekerja di Pejabat Pendaftar atau Pejabat Tanah memelihara rahsia ke atas semua perkara yang sampai ke pengetahuannya dalam menyelenggarakan tugas-tugasnya dan tidak boleh memberitahu atau menyampaikan apa-apa perkara itu kepada orang lain. Dalam seksyen 429 Kanun Tanah Negara 1965, diperuntukkan bahawa, seseorang yang melanggar peruntukan seksyen 19 Kanun Tanah Negara 1965 adalah melakukan kesalahan dan boleh dikenakan denda sebanyak tidak lebih daripada RM1,000.00 atau penjara selama tidak lebih daripada 6 bulan.

2. Perkara-perkara yang dirujuk di bawah seksyen 19 Kanun Tanah Negara 1965 ialah perkara-perkara bersangkutan kepada berbagai-bagai urusan yang direkodkan dalam fail-fail dokumen (Terbuka atau Sulit), Buku-buku Pendaftaran, rekod-rekod dan pelan-pelan di sesuatu Pejabat Tanah dan Pejabat Pendaftar. Perkara-perkara yang berkaitan adalah seperti berikut:-

- (a) permohonan-permohonan tanah Kerajaan, tanah lombong, Lesen-lesen Menduduki Sementara dan permit-permit;
- (b) permohonan-permohonan menukar kategori penggunaan, syarat nyata dan sekatan kepentingan tanah;
- (c) permohonan-permohonan pecah sempadan, penyerahan balik dan pemberimilikan semula, pecah bahagian dan penyatuan tanah;
- (d) permohonan-permohonan penyerahan tanah;
- (e) butir-butir siasatan di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960;
- (f) butir-butir semua suratcara urusaniaga dan perkara-perkara yang berkaitan dengan pendaftarannya;
- (g) butir-butir semua suratcara bukan urusaniaga dan perkara-perkara yang berkaitan dengan pendaftarannya;
- (h) permohonan-permohonan untuk mendapatkan perintah-perintah pembahagian harta pusaka di bawah Akta Pembahagian Harta Pusaka Kecil 1955;
- (i) siasatan yang dijalankan oleh Pentadbir Tanah dan Pendaftar Hakmilik dan catatan kenyataan siasatan;
- (j) dokumen hakmilik daftar (DHD dan DHDK) serta pendaftarannya;
- (k) apa-apa maklumat yang dicatatkan dari semasa ke semasa di atas '*litho sheet*' di Pejabat Tanah;
- (l) maklumat-maklumat mengenai tindakan penguatkuasaan;
- (m) dokumen-dokumen berkaitan hasil; dan
- (n) maklumat-maklumat lain yang difikirkan perlu termasuk maklumat digital.

Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan